

21/08/2003

Pas serah kepada rakan kemuka manifesto

KUALA TERENGGANU: Pas semalam menyerahkan kepada rakan pakatan pembangkang untuk mengemukakan manifesto dan membentuk kerajaan negeri masing-masing asalkan tindakan itu selaras dengan Perlembagaan dan sistem demokrasi di negara ini.

Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata rakan dalam pakatan mempunyai hak masing-masing memandangkan pakatan yang diwujudkan antara parti pembangkang adalah longgar.

Beliau memberi contoh jika dalam pilihan raya umum akan datang DAP berjaya menguasai Pulau Pinang, terpulang kepada DAP untuk merealisasikan dasar parti itu di negeri berkenaan, asalkan manifesto parti itu selaras dengan Perlembagaan.

Katanya, Pas tetap berpendirian untuk mendirikan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud di negeri yang dikuasai parti itu.

Pas, katanya akan tetap mengemukakan dua manifesto berasingan bagi penubuhan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri pada pilihan raya umum akan datang.

"Perlembagaan kita memberi bidang kuasa kepada negeri dan Pusat, maka kerajaan negeri mempunyai manifesto sendiri, begitu juga dengan Pusat," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan tindakan Pas untuk menggugurkan hasrat menubuhkan negara Islam dan mengubah pendirian untuk tidak melaksanakan undang-undang Islam, sebagai petunjuk jelas bahawa parti itu mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam yang maju.